



Materialisme, Islam dan Nilai Kesasteraan: Satu Penelitian Terhadap Novel-novel Popular Islami Terbitan PTS Sdn. Bhd. Berdasarkan Persuratan Baru*

Mohd. Zariat Abdul Rani

Universiti Putra, Malaysia

Pengenalan dan Latar Belakang

Pada penghujung tahun-tahun 2000-an, pasaran buku awam di Malaysia dibanjiri dengan penerbitan 'novel-novel popular Islami'. Kebanjiran ini disebabkan oleh permintaan yang tinggi daripada pembaca awam, dan ini terbukti apabila sebahagian besar novel-novel jenis ini mencatatkan angka jualan yang tinggi. Novel-novel ini rata-rata dianggap Islami kerana aspek-aspek luarannya seperti ilustrasi kulit novel, judul, ransangsari (*blurb*) dan biodata novelis yang cenderung memperagakan unsur-unsur Islam, seperti yang akan diperjelaskan lebih lanjut nanti. Apa yang penting difahami ialah tercetusnya satu fenomena sastera yang juga diungkapkan sebagai 'fenomena novel popular Islami'. Sebagai satu fenomena yang tercetus daripada permintaan popular dan trend pasaran, dapat dikatakan bahawa novel-novel popular Islami menjadi satu produk atau barang dagangan yang dianggap menepati selera dan citarasa

* Kertas kerja yang dibentangkan di Perhimpunan Penulis Muda Nasional (PPMN) Ke-3 bertemakan 'Pengukuhan Makna Diri Pengarang Muda', anjuran Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENAMA), di Akademi Kenegaraan, Kuala Lumpur, pada 16-18 Disember 2011. Makalah ini antaranya turut memanfaatkan bahan-bahan penyelidikan sepanjang saya menjadi felo penyelidik undangan di Institut Penyelidikan Asia (ARI), Universiti Kebangsaan Singapura (NUS), pada 1 April-30 Jun 2010. Sehubungan itu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada ARI, NUS atas segala kemudahan penyelidikan yang telah diberikan.

pengguna masa kini, dan oleh itu mempunyai nilai komersial yang tinggi. Dengan tanggapan itu, sukar dinafikan hakikat bahawa matlamat penulisan dan penerbitan novel popular Islami ialah mengaut keuntungan material. Dalam pengajian kesusasteraan, penulisan dan penerbitan karya yang tujuannya untuk mengaut keuntungan material dianggap sebagai kegiatan 'sastera popular'. Bagi mencapai matlamat tersebut, kegiatan 'sastera popular' dikatakan peka terhadap perubahan selera popular, dan sentiasa berusaha untuk akur terhadap tuntutan dan trend pasaran.¹

Di Malaysia, keakuran kegiatan 'sastera popular' terhadap tuntutan dan trend pasaran dapat diamati dengan jelas. Umpamanya, kemunculan 'era picisan' pada tahun-tahun 1960-an disebabkan oleh permintaan yang tinggi pada ketika itu terhadap novel-novel erotik dan porno.² Begitu juga sambutan terhadap novel-novel Ahadiat Akashah, Norhayati Berahim, Aisyah Sofea (sekadar menyebut beberapa nama) pada awal tahun 2000-an, dikatakan menepati selera semasa ketika itu yang cenderung terhadap kisah-kisah cinta.³ Akan tetapi, dan sebagaimana yang telah dinyatakan lebih

¹ Bagi memahami persoalan 'sastera popular' dan tuntutan komersialisme, sila rujuk tulisan Morris M., 'Banality in Cultural Studies', dlm. Patricia Mellencamp (pynt.), *Logics of Television: Essays in Cultural Criticism*, Indiana University Press, Bloomington, 1990, hlm. 14-43.

² Pengamatan saya mendapati bahawa disebabkan daya tarikan selera popular dan trend pasaran pada tahun 1960-an, beberapa sasterawan ternama seperti Shahnnon Ahmad dan Abdullah Hussain menghasilkan beberapa novel-novel seperti *Terdedah* dan *Kuala Lumpur Kita Punya*. Meskipun dipertahankan oleh segelintir pihak sebagai 'novel serius', analisis saya pada beberapa kesempatan lain membuktikan bahawa kedua-dua novel itu adalah novel erotik yang dihasilkan bagi memenuhi selera popular dan trend pasaran semasa. Untuk pemahaman lanjut, sila rujuk Mohd. Zariat Abdul Rani, 'Between Eroticism and Social Criticism: The Literariness of Shahnnon Ahmad's *Terdedah*', *WACANA* (Journal of Humanities, University of Indonesia, Vol. 11, No. 1 (April), 2009, hlm. 152-172, & Mohd. Zariat Abdul Rani, 'From 'Popular Fiction' to 'Serious Novel': The Literary Contribution of Shahnnon Ahmad and Abdullah Hussain to Malay Literature', *MANU* (Journal of Centre for Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Vol. 14, 2008, hlm. 25-43.

³ Pada 14-15 Disember 2006, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menganjurkan Bengkel Kajian Novel Popular di Malaysia. Lebih 16 makalah dibentangkan dan rata-rata merumuskan kisah cinta remaja sebagai tema utama dalam novel-novel remaja awal 2000-an. Sehubungan itu, adalah menarik untuk diturunkan data kajian lapangan oleh Mohamad Mokhtar Hassan & Mohd. Hamed Adnan bertajuk 'Laporan Kajian Sambutan Khalayak Terhadap Novel Melayu di Malaysia', 2004 yang mengenalpasti tema percintaan dan kasih sayang sebagai tema paling popular, manakala Ahadiat Akashah dan Norhayati Berahim sebagai novelis yang paling diminati oleh pembaca awam. Data-data lain berkaitan novel Melayu dan citarasa pembaca awam turut diturunkan oleh Mohamad Mokhtar Hassan dalam

awal, penghujung tahun 2000-an menyaksikan perubahan yang ketara dalam selera popular dan trend pasaran tempatan, iaitu daripada kisah cinta, seks dan erotik, kepada Islam. Perubahan ini semakin terserlah apabila novel popular Islami Indonesia, *Ayat Ayat Cinta* (2006) karya Habiburrahman El-Shirazy mendapat sambutan hangat dalam kalangan pembaca di Malaysia. Ini diikuti dengan kemasukan beberapa lagi novel popular Islami Indonesia yang diterbitkan dalam versi bahasa Malaysia.⁴ Ternyata industri 'sastera popular' tempatan begitu peka terhadap perubahan selera popular dan trend pasaran ini, lantas dengan giat menerbitkan satu persatu novel popular Islami versi Malaysia yang memperagakan aspek-aspek luaran yang mirip dengan novel popular Islami Indonesia.⁵ Kepekaan terhadap selera popular dan trend pasaran ini yang kemudiannya mencetuskan fenomena novel popular Islami di Malaysia. Tercetusnya fenomena ini menimbulkan persoalan baru yang penting untuk ditangani. Ini kerana tidak seperti trend 'sastera popular' sebelumnya, fenomena terbaru ini jelas dikaitkan dengan Islam, satu agama yang tidak disandarkan kepada selera popular dan trend semasa, sebaliknya berteraskan kepada sumber-sumber wahyu yang dianggap mutlak dan pasti.⁶ Implikasi daripada perkaitan 'sastera popular' dengan Islam ini mengundang perbincangan selanjutnya.

makalah beliau bertajuk 'Legenda Budak Setan: Antara Komersialisme dengan Intelektualisme', kertas kerja yang dibentangkan di Bengkel Kajian Novel Popular di Malaysia, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 14-15 Disember 2006.

⁴ Penelitian terhadap novel-novel popular Islami Indonesia telah saya lakukan secara khusus pada beberapa kesempatan lain. Sila rujuk Mohd. Zariat Abdul Rani, 'Love, Conflict, Submission: Themes in Islamic Popular Novels of Indonesia', kertas kerja yang dibentangkan di The 3rd International Congress of World Languages and Cultures, anjuran Faculty of Philosophy and Letters, University of Granada, Granada, pada 30 Mei-1 Jun 2011, & Mohd. Zariat Abdul Rani, 'Islam, Romance and Popular Taste in Indonesia: A Textual Analysis of *Ayat Ayat Cinta* by Habiburrahman El-Shirazy and *Syahadat Cinta* by Taufiqurrahman Al-Azizy', *Indonesia and The Malay World* (Journal of School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London, Vol. 40, No. 116 (Mac), 2012, hlm. 61-75.

⁵ Soal perbandingan antara novel-novel popular Islami Indonesia dan Malaysia telah saya tangani pada kesempatan lain. Sila rujuk Mohd. Zariat Abdul Rani, 'Popular Islamic Novels of Indonesia and Malaysia: A Preliminary Exploration', kertas kerja yang dibentangkan sebagai kuliah umum di Asia Research Institute (ARI) Weekly Seminars Series, anjuran Asia Research Institute (ARI), National University of Singapore, Kampus Bukit Timah, pada 28 Jun 2010.

⁶ Sila rujuk Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*, International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), Kuala Lumpur, 1995, hlm. 38.

Sesungguhnya, kecenderungan kegiatan sastra di Malaysia terhadap Islam bukan sesuatu yang baru atau belum pernah terjadi. Sebelum tercetusnya fenomena novel popular Islami ini, tahun 1970-an dan 1980-menyaksikan munculnya apa yang dikenali sebagai 'fenomena sastra Islam'.⁷ Tercetus ketika 'era kebangkitan Islam' di Malaysia, fenomena sastra Islam ditandai dengan kehadiran satu demi satu wacana intelektual yang berhasrat menghidupkan nilai-nilai Islam dalam kegiatan kesusasteraan Melayu. Daripada wacana ini, lahir pula karya-karya sastra yang cenderung memperagakan nilai-nilai Islam. Akan tetapi, perlu difahami bahawa fenomena sastra Islam yang berlaku pada kedua-dua dekad tersebut terbatas dalam lingkungan kegiatan 'sastra serius', dan melibatkan golongan intelektual, sarjana dan sasterawan yang dianggap elit.⁸ Dalam pengajian kesusasteraan, kegiatan 'sastra serius' dibezakan daripada 'sastra popular', dan pembezaan ini rata-rata didasarkan kepada motif penulisan. Berbeza dengan 'sastra popular' yang bermotifkan keuntungan material, kegiatan 'sastra serius' pula dikatakan bertujuan memartabatkan ilmu dan membina tamadun.⁹ Dengan matlamat ini, tuntutan selera popular dan trend pasaran tidak

⁷ Sila rujuk Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 'Sastra Islam : Malaysia's Literary Phenomenon of the 1970s and 1980s', *The Muslim World* 79 (3-4), 1983, hlm. 232-248.

⁸ Sifat elit 'sastra serius' ini umpamanya tercermin dengan jelas pada isu pemilihan teks sastra sebagai komponen dalam pengajaran bahasa Melayu (KOMSAS). Dalam isu ini, beberapa penulis 'sastra serius' menyatakan protes terhadap ura-ura pemilihan karya 'sastra popular' sebagai teks KOMSAS, dan menganggapnya sebagai satu penghinaan. Datuk A. Samad Said, penerima Anugerah Sastra Negara pada tahun 1985, antaranya mengisytiharkan secara rasmi bahawa beliau tidak mahu lagi menyandang gelaran 'Sasterawan Negara'. Katanya: 'Saya kini mantan Sasterawan Negara dan tidak mahu lagi menggunakan gelaran tersebut. Saya juga tidak akan menerima sebarang jemputan ceramah atau program berkaitan Komponen Sastra dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu (KOMSAS)'. Sila rujuk artikel bertajuk 'Saya Tidak Mahu Lagi Bergelar Sasterawan Negara- A. Samad Said', *Utusan Malaysia*, 24 Januari 2008. Untuk mengikuti pergolakan isu teks KOMSAS 2008, sila rujuk artikel bertajuk 'Teks Sastra Kena Pikat Penulis Muda', *Berita Harian*, 29 Januari 2008, 'Teks Sekolah Tak Senarai Karya Sasterawan Negara', *Berita Harian*, 12 Januari 2008, artikel surat pembaca bertajuk 'Teks Sekolah Tak Senarai Karya Sasterawan Negara', *Berita Harian*, 12 Januari 2008, artikel Datuk Dr. Anwar Ridhwan bertajuk 'Karya Bermutu Wajar Jadi Teks Sastra', *Berita Harian*, 15 Januari, & artikel Syed Mohd. Zakir Syed Othman bertajuk 'Cadang Karya Sasterawan Negara Jadi Teks Sekolah', *Berita Harian*, 17 Januari 2008.

⁹ Di Malaysia, kriteria yang lazim digunapakai bagi mengenalpasti 'sastra serius' adalah 'pengiktirafan' sama ada dalam bentuk penganugerahan gelaran sastra, hadiah sayembara sastra, penerbitan badan berautoriti seperti Dewan Bahasa dan Pustaka atau menjadi teks wajib sekolah/universiti. Tidak kurang penting ialah sambutan pengkritik (*critical receptions*). Dengan semua pengiktirafan di atas, 'sastra

menjadi pertimbangan utama dalam penulisan dan penerbitan 'sastera serius'. Keprihatinan terhadap ilmu dan tamadun juga yang menyebabkan 'sastera serius' dianggap lebih bermutu tinggi, berbanding 'sastera popular'.

Seterusnya, dalam perkembangan kesusasteraan Melayu hari ini, keprihatinan terhadap ilmu dan tamadun menjadi antara sebab hadirnya beberapa gagasan dan kerangka sastera tempatan yang berteraskan Islam. Gagasan dan kerangka sastera yang berteraskan Islam ini berkembang dan digunapakai sebagai kayu ukur dalam menilai mutu karya sastera. Kehadiran ini jelas signifikan kerana ada gagasan yang begitu serius dan kritis dalam usaha memartabatkan ilmu dan tamadun dengan mencabar kebergantungan terhadap teori-teori Barat yang dianggap melesukan dunia intelektual sastera Melayu, dan seterusnya menuntut supaya tradisi persuratan Islam dihidupkan kembali. Dalam konteks ini, gagasan Persuratan Baru janaan Mohd. Affandi Hassan umpama 'ayam tambatan' yang dapat diharapkan untuk memartabatkan ilmu dan tamadun Melayu. Berbanding gagasan dan kerangka sastera yang lain, Persuratan Baru telah melangkah jauh ke hadapan sebagai satu gagasan intelektual yang mantap, mampu dipertanggungjawabkan sebagai satu kerangka penulisan dan analisis karya sastera yang objektif, dan tahan uji apabila diketengahkan ke gelanggang intelektual tempatan mahupun antarabangsa.¹⁰ Sehingga kini, Persuratan Baru menjadi satu-satu

serius' dianggap lebih bermutu dan mempunyai nilai kesasteraan yang tinggi, berbanding 'sastera popular'.

¹⁰ Sejak diperkenalkan, gagasan Persuratan Baru sehingga kini telah dimantapkan melalui beberapa wadah ilmiah seperti buku ilmiah, termasuk sebuah buku yang merangkumkan aspek falsafah dan penerapannya, syarahan inaugural, tesis kedoktoran dan sarjana, artikel ilmiah, kertas seminar/persidangan, dan sehingga kini masih terus dimantapkan oleh penjananya melalui entri-entri dalam blog bertajuk 'Gagasan Persuratan Baru'. Kewujudan blog ini begitu signifikan kerana membolehkan gagasan Persuratan Baru diperbahaskan dan dikritik secara terbuka di pentas siber. Malah, selain Mohd. Affandi Hassan sendiri, beberapa penulis muda seperti Faisal Tehrani secara terbuka menyatakan bahawa struktur novelnya bertajuk *Tuhan Manusia* (2007), dan struktur teaternya bertajuk 'Kopitiam Ghadir' diilhamkan daripada Persuratan Baru. Berdasarkan kepada pencapaian ini, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa berbanding teori-teori sastera janaan tokoh-tokoh tempatan seperti Puitika Sastera Melayu, Takmilah atau Pengkaedahan Melayu (sekadar menyebut beberapa nama), Persuratan Baru merupakan 'teori' tempatan yang paling berkembang secara konsisten, mantap dan menarik perhatian banyak pihak, termasuk sarjana dan penulis kreatif sehingga mencetuskan 'gelombang'nya yang tersendiri. Dalam konteks inilah, kecurigaan Zawiah Yahya tentang penerimaan khalayak terhadap Persuratan Baru wajar diperiksa dengan kritis. Ini kerana pencapaian Persuratan Baru

gagasan/kerangka sastera tempatan yang paling berani mencabar 'zon selesa' sastera Melayu, dan dengan tegas menuntut satu anjakan paradigma baru dalam kegiatan sastera Melayu.¹¹ Seiring dengan berdirinya gagasan Persuratan Baru pada hari ini sebagai satu gagasan persuratan yang mantap, Islam serta prinsip-prinsipnya kini menjadi kayu ukur yang digunapakai secara serius, luas dan konsisten dalam menilai mutu dan nilai kesasteraan karya-karya sastera Melayu. Dengan kayu ukur Islam, beberapa karya yang sebelumnya diperagakan sebagai bermutu tinggi, kini diragui dan dianggap picisan.

Permasalahan Kajian dan Objektif Kajian

Sesungguhnya, perbincangan panjang lebar di atas tentang perkembangan terkini sastera Melayu, terutama dari segi perkaitannya dengan Islam adalah penting dalam usaha membincangkan implikasi munculnya satu fenomena 'sastera popular' yang dikaitkan dengan Islam. Dalam konteks kemunculan fenomena ini, sukar dinafikan peranan yang dimainkan oleh PTS Sdn. Bhd., satu syarikat kumpulan penerbitan dan pengedaran yang diasaskan oleh Puan Ainon Mohd. dan Profesor Emeritus Dr. Abdullah Hassan sejak tahun 1988. Ini kerana PTS Sdn. Bhd. merupakan antara syarikat penerbitan tempatan yang giat menerbitkan novel popular Islami. Pada tahap ini, apa yang penting difahami ialah kedudukan PTS Sdn. Bhd. yang pada hari ini sedia berdiri sebagai sebuah syarikat perniagaan komersial yang menitikberatkan keuntungan material. Dengan kira-kira 10 anak syarikat yang bernaung di bawahnya, PTS Sdn. Bhd. mensasarkan matlamat untuk menjadi badan korporat yang sahamnya layak diperdagangkan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Seiring dengan matlamat itu,

seperti yang dijelaskan di atas, jauh lebih progresif berbanding Puitika Sastera Melayu yang dianggap oleh Zawiah Yahya mendapat sambutan hangat. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Zawiah Yahya, *Reading Approaches in Malay Literature: Critical Theory in the Making*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2010. Dalam konteks Puitika Sastera Melayu, adalah penting untuk diteliti kritikan Mohd. Affandi Hassan terhadap syarahan inaugural Profesor Muhammad Haji Salleh. Sila rujuk Mohd. Affandi Hassan, *Medan-medan dalam Sistem Persuratan Melayu: Sanggahan Terhadap Syarahan Perdana Prof. Dr. Muhammad Haji Salleh (Sarjana dan Sasterawan Negara)*, Kota Bharu: Penerbit Tiga, 1994. Untuk mengikuti blog 'Gagasan Persuratan Baru', sila rujuk <http://pbaru.blogspot.com/>

¹¹ Sila rujuk Ungku Maimunah Mohd. Tahir, *Kritikan Sastera Melayu: Antara Cerita dengan Ilmu*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2007, hlm. 58, & Ungku Maimunah Mohd. Tahir, *Dinamika Pemikiran Sastera Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2009, hlm. 89-90.

PTS Sdn. Bhd. mengisytiharkan 'sikap bisnes' rasminya, iaitu 'sebuah penerbit yang sangat komersial' (ungkapan PTS Sdn. Bhd. sendiri), dan justeru menitikberatkan keuntungan material daripada penjualan buku-buku terbitannya. Sehubungan itu, PTS Sdn. Bhd. hanya berminat menerbitkan dan memasarkan buku-buku yang dianggapnya bernilai komersial. Untuk itu, PTS Sdn. Bhd. sangat peka terhadap perubahan selera popular dan trend pasaran, dan sentiasa berusaha menyesuaikan produk penerbitannya dengan selera popular dan trend pasaran semasa. Berteraskan matlamat dan 'sikap bisnes' yang dinyatakan di atas, adalah jelas bahawa PTS Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat penerbitan dan pengedaran yang berorientasikan keuntungan material.¹² Ternyata matlamat dan 'sikap bisnes'nya ini bukan sekadar 'omong kosong' kerana buku-buku terbitan PTS Sdn. Bhd. termasuklah karya-karya seperti novel, memang laris di pasaran. Malah pengerusi Syarikat Kumpulan PTS Sdn. Bhd., Aion Mohd. mendedahkan bahawa pada masa kini para penulis yang menerbitkan karya-karya dengan PTS Sdn. Bhd. mampu hidup mewah seperti membina rumah banglo, membeli kereta dan melancong ke Eropah, dengan menggunakan wang royalti buku yang bernilai ribuan dan ratusan ribu ringgit'.¹³ Justeru, Aion Mohd. menasihati para penulis 'sastera serius', terutamanya para penulis muda berbakat supaya berhenti 'meratap' (istilah beliau sendiri) apabila hasil-hasil karya mereka tidak mendapat imbuhan yang setimpal daripada projek teks wajib sekolah, anugerah sastera, sayembara dan sebagainya. Pada pandangan Aion Mohd., para penulis 'sastera serius' harus mengubah mentaliti dengan melihat karya-karya sastera sebagai produk yang boleh diperdagangkan dengan laris kepada pengguna, dan sekaligus memberikan keuntungan material kepada mereka.¹⁴

¹² Sila rujuk portal rasmi PTS. <http://pts.com.my/index.php/info/pengenalan/> (Ditelesuri pada 12 November 2011).

¹³ Sila rujuk Aion Mohd, *Panduan Menulis Novel: Teknik Surah Yusuf*, PTS Profesional, Batu Caves, 2011, hlm. xii-xiii.

¹⁴ Pandangan Aion Mohd. ini mengundang reaksi yang pelbagai dalam kalangan para penulis 'sastera serius' terutamanya para penulis muda. Antaranya, DOM atau 'Dialog Orang Muda', satu kegiatan dialog di bawah anjuran Persatuan Penulis Nasional (PENA) mengadakan acara dialog bertajuk 'Sastera Islami: Antara Dakwah dan Komersialisme' pada 24 Julai 2011. Beberapa reaksi turut timbul dalam kalangan anggota PENA, antaranya Muhammad Lutfi Ishak yang menuntut Aion Mohd. supaya 'bersikap lebih objektif'. Saleeh Rahamad pula dalam reaksinya jelas menganggap para penulis 'sastera serius' lebih menyumbang kepada peradaban kerana menyampaikan 'ilmu', manakala para penulis

Sebagai satu syarikat perdagangan yang berorientasikan keuntungan material, visi dan prinsip perniagaan PTS Sdn. Bhd., seperti yang dijelaskan diatas dapat dijangkakan. Ini termasuklah pandangan-pandangan Aion Mohd. yang dengan kapasitasnya sebagai Pengerusi Syarikat Kumpulan PTS Sdn. Bhd., dapat dianggap sebagai pandangan rasmi syarikat itu. Sekurang-kurangnya PTS Sdn. Bhd. jelas dengan visi dan prinsip perniagaan yang dipilih, dan bekerja keras pula untuk merealisasikannya. Apa yang lebih menarik ialah pandangan-pandangan rasmi PTS Sdn. Bhd. (melalui Aion Mohd.) ini didapati tidak hanya berlegar sekitar matlamat dan strategi komersial, tetapi turut menyentuh hal-hal berkaitan mutu sastera dan Islam. Merujuk perkara ini, Aion Mohd. berpendapat bahawa matlamat penulisan dan penerbitan yang berorientasikan keuntungan material tidak semestinya mengadaikan mutu dan nilai kesasteraan. Beliau berpendapat bahawa karya 'sastera popular' yang laris terjual di pasaran tidak semestinya rendah mutu, dan tidak menyumbang kepada pembinaan dan tamadun bangsa. Sehubungan itu, Aion Mohd. mendakwa karya-karya terbitan syarikatnya adalah karya-karya yang bermutu dan tinggi nilai sasteranya, dan pada masa yang sama memenuhi citarasa pembaca dan mencatat angka jualan yang tinggi.¹⁵ Pandangan Aion Mohd. ini jelas mencabar pandangan lumrah tentang dikotomi dan hierarki 'sastera serius'-'sastera popular', seperti yang telah dijelaskan lebih awal. Adalah jelas bahawa Aion Mohd. bukan sahaja tidak melihat tuntutan komersial sebagai ancaman terhadap mutu sastera, malah beliau begitu yakin bahawa kedua-duanya (komersial-mutu sastera) boleh digandingkan tanpa sebarang kompromi yang mengugat salah satu daripadanya.

'sastera popular' pula hanya menyampaikan 'maklumat' ('maklumat', menurut dan diungkapkan oleh Saleeh Rahamad sebagai 'tidak termasuk dalam lingkaran ilmu'). Tidak begitu jelas apa yang dimaksudkan oleh Saleeh Rahamad tentang perbezaan antara 'maklumat' dengan 'ilmu'. Akan tetapi, perlu dijelaskan bahawa pembezaan antara kedua-dua istilah ini bukan sahaja menjadi antara perbincangan pokok dalam Persuratan Baru, malah rata-rata sudah dianggap sinonim dengan gagasan persuratan janaan Mohd. Affandi Hassan ini. Untuk membaca kenyataan Aion Mohd. sila rujuk http://universitipts.com/index.php/site/comments/rumah_pena_rumah_ratapan_sasterawan_muda_melayu/ (Ditelusuri pada 12 November 2011). Untuk mengikuti respon Lutfi Ishak dan Mohd. Saleeh Rahamad, sila layari: <http://muhammadlutfi.blogspot.com/2010/12/dalam-satu-entrinya-di-blog-beliau-pn.html> (Ditelusuri pada 12 November 2011), & <http://saleehblogspot.blogspot.com/2010/12/yang-meratap-dan-yang-kaya.html> (Ditelusuri pada 12 November 2011).

¹⁵ Sila rujuk Aion Mohd., *Panduan Menulis Novel: Teknik Surah Yusuf*, 2011, hlm. xii-xiii.

Seterusnya, dan lebih penting daripada itu ialah Islam yang diajukan oleh Ainon Mohd. sebagai satu mekanisme yang dianggap dapat mendamaikan pergeseran antara komersialisme dengan nilai kesasteraan. Ini jelas apabila Ainon Mohd. mengajukan apa yang diungkapkannya sebagai 'Teknik Surah Yusuf', iaitu satu panduan penulisan novel yang didakwa oleh beliau dikonsepsikan daripada Surah Yusuf yang terkandung dalam Al-Quran. Ainon Mohd. menganggap 'Teknik Surah Yusuf' bikinannya itu bersifat Islami kerana berasaskan Al-Quran, dan dapat menjamin sesebuah karya itu memenuhi tuntutan hukum Islam atau syariah (disebut oleh beliau sebagai *syariah compliance*), bermutu tinggi dan bernilai sastera, dan sekaligus laris di pasaran. Tanpa membahaskan ketepatan pemahaman Ainon Mohd. tentang Surah Yusuf yang wajar ditangani dalam kesempatan lain, kajian ini ingin menarik perhatian terhadap kenyataan Ainon Mohd. bahawa para penulis PTS Sdn. Bhd. memang diajar dan dilatih untuk menerapkan 'Teknik Surah Yusuf' dalam penulisan novel-novel yang diterbitkan oleh syarikatnya. Dan Ainon Mohd. mendakwa bahawa novel-novel yang menerapkan teknik tersebut terbukti bukan sahaja laris di pasaran, tetapi bermutu tinggi, sebagaimana yang dituliskannya:

Semenjak teori surah yusuf ['Teknik Surah Yusuf'] diperkenalkan dan dilatih kepada penulis-penulis PTS, terbukti novel-novel yang mereka hasilkan adalah bermutu tinggi serta menerima sambutan baik dalam pasaran, sehingga membolehkan penulis PTS menerima royalti bernilai ratusan ribu hasil jualan novel-novel yang mereka hasilkan dengan menggunakan teori surah yusuf.... Lazimnya, kuantiti dan kualiti tidak dapat dicapai serentak. Sekiranya pengarang mahukan novel yang berkualiti, novel seperti itu sukar dihasilkan, akibatnya dia tidak dapat menghasilkan banyak novel. Dengan menggunakan teori surah Yusuf ['Teknik Surah Yusuf'], maka matlamat itu mudah dicapai. Pada saat buku ini ditulis, teori ['Teknik Surah Yusuf'] ini sudah lapan tahun diperkenalkan kepada penulis-penulis PTS, dan hasilnya memberansangkan, baik dari segi kuantiti judul yang dihasilkan, mahupun dari segi kualiti, sehingga karya mereka mendapat sambutan yang panas daripada pembeli dan pembaca novel-novel PTS.¹⁶

¹⁶ Istilah 'Teknik Surah Yusuf' digunakan oleh Ainon Mohd. sebagai judul buku, manakala dalam penjelasannya, Ainon turut menggunakan istilah 'teori surah yusuf' bagi merujuk hal yang sama. Ibid.

Sesungguhnya pandangan Ainon Mohd. dengan kedudukannya sebagai ‘suara rasmi’ PTS Sdn. Bhd. ini wajar diberikan perhatian serius. Ini kerana pandangannya ini cenderung menjalinkan dua topik utama iaitu komersialisme dan Islam, yang keduanya saling berbeza matlamat dan keutamaan, dan justeru seringkali dianggap sulit untuk digabung dan dipermudahkan, terutamanya dalam satu teknik atau pendekatan yang bersifat manual seperti ‘Teknik Surah Yusuf’. Sebagaimana yang telah dibicarakan lebih awal, komersialisme menetapkan bahawa matlamat penulisan dan penerbitan adalah mengaut keuntungan material, dan justeru, keutamaannya adalah memenuhi kehendak dan selera pasaran. Kehendak dan selera pasaran ini relatif sifatnya dan sentiasa berubah-ubah mengikut perubahan masa dan keadaan. Sedangkan Islam menetapkan bahawa matlamat penulisan untuk mengajar manusia tentang hakikat kebenaran (*al-haq*), dan justeru, keutamaannya adalah menyampaikan ilmu yang benar di sisi Islam. Ilmu yang benar di sisi Islam sifatnya adalah mutlak, pasti dan tidak berubah-ubah mengikut masa dan keadaan.¹⁷ Adalah jelas bahawa sifat yang menjadi sandaran kepada motif dan keutamaan kedua-dua topik (komersialisme & Islam) yang dibicarakan oleh Ainon Mohd. adalah saling bertentangan. Atas sifat selera pasaran yang relatif, dan jelas bertentangan dengan sifat dan hakikat ilmu yang benar di sisi Islam yang mutlak dan pasti ini, isu komersialisme dan Islam seringkali bergeser dan sukar didamaikan terutamanya jika digandingkan dalam satu tingkat keutamaan yang setara. Dalam konteks ini, dakwaan Ainon Mohd. bahawa ‘Teknik Surah Yusuf’ terbukti berjaya menghasilkan karya Islami, yang bermutu tinggi, dan laris di pasaran, mengundang beberapa persoalan penting. Antaranya, adakah benar novel-novel terbitan PTS Sdn. Bhd. Islami sifatnya? Seterusnya, adakah benar bahawa novel-novel terbitan PTS Sdn. Bhd. bermutu tinggi, sebagaimana yang didakwa? Dan sehubungan itu, apakah isian utama novel-novel terbitan PTS Sdn. Bhd. yang menjadikannya popular dan terjual laris di pasaran?

¹⁷ Untuk pemahaman lanjut, sila rujuk tulisan Ustaz Dr. Zulkarnain Mohamed, ‘Al-Quran, Ilmu dan Disiplin Islami dan Sastera’, dlm. Ungku Maimunah Mohd. Tahir, *Kedudukan Ilmu dalam Kesusasteraan: Teori & Praktis*, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2010, hlm. 83-158.

Bagi menjawab persoalan-persoalan di atas, kajian ini akan menganalisis dua novel popular Islami terbitan PTS Sdn. Bhd., iaitu *Salju Sakinah* karya Zaid Akhtar dan *Warkah Cinta Berbau Syurga* karya A. Ubaidillah Alias. Pilihan terhadap kedua-dua novel antaranya diasaskan kepada cara pemeragaannya oleh PTS Sdn. Bhd. iaitu sebagai 'novel Islami', seperti yang akan diperlihatkan sebelum analisis setiap teks nanti. Selain itu, kedua-dua novel ini diterbitkan pada tahun 2008 iaitu ketika fenomena novel Islami di Malaysia mulai tercetus. Dan kedua-dua novel memang sedia laris terjual di pasaran, diulang cetak sebanyak beberapa kali dan menduduki carta 500 buku terlaris PTS Sdn. Bhd. sehingga tahun 2010.¹⁸ Seterusnya, penting untuk diingat semula kenyataan Ainon Mohd. sendiri bahawa 'Teknik Surah Yusuf' telah lebih 8 tahun diperkenalkan, dan para penulis yang karyanya diterbitkan oleh PTS Sdn. Bhd. memang dilatih untuk menulis berasaskan teknik tersebut.¹⁹ Hakikat bahawa teks-teks kajian yang dipilih ini diterbitkan oleh PTS Sd. Bhd. pada tahun 2008, dan justeru dapat diandaikan bahawa kedua-duanya memang ditulis berdasarkan, atau sekurang-kurangnya sejajar dengan 'Teknik Surah Yusuf' yang diperkenalkan oleh syarikat itu.

Sehubungan dengan itu, analisis tertumpu kepada usaha untuk mengenalpasti isian kedua-dua teks, selain menentukan kedudukan Islam dalam kedua-dua teks yang dikaji. Hasil-hasil analisis ini nanti bakal memungkinkan kajian ini untuk merumuskan secara pasti mutu dan nilai kesasteraan kedua-dua teks yang dikaji itu.

Persuratan Baru: Satu Kerangka Analisis

Bagi mencapai objektif-objektif di atas, kajian ini akan mengunapakai prinsip-prinsip analisis Persuratan Baru. Pilihan Persuratan Baru sebagai kerangka analisis didasarkan kepada beberapa pertimbangan. Pertama, dan seperti yang telah dijelaskan lebih awal, Persuratan Baru merangkakan prinsip-prinsip analisisnya yang jelas dan sistematik, dan telah terbukti mampu diaplikasi secara objektif dan berwibawa dalam menganalisis karya sastera. Kedua, prinsip-prinsip Persuratan Baru yang menangani secara serius perkara-perkara berkaitan Islam, ilmu dan mutu sastera, yang kesemuanya merupakan

¹⁸ Sila rujuk http://universitipts.com/index.php/site/comments/senarai_judul_top_500_pts_berdasarkan_jumlah_naskhah_terjual_antara_1_/ (Ditelusuri pada 1 November 2011).

¹⁹ Ainon Mohd, *Panduan Menulis Novel: Teknik Surah Yusuf*, 2011, hlm. xii-xiii.

isu-isu yang menjadi permasalahan dalam kajian ini. Seterusnya, sebagai satu kerangka analisis yang bukan lagi asing dalam dunia kesusasteraan Melayu hari ini, dan telah sedia dibincangkan dan diterapkan pada banyak kesempatan lain, kajian ini tidak bermaksud untuk membincangkan secara tuntas idea-idea Persuratan Baru. Memadai jika prinsip-prinsip Persuratan Baru yang akan digunapakai dalam analisis teks-teks kajian nanti dibicarakan secara ringkas. Walau bagaimanapun, maklumat rujukan yang penting ada disertakan bagi membantu usaha-usaha pemahaman dan penelitian lanjut.

Sebagaimana yang telah dinyatakan lebih awal, Persuratan Baru merupakan satu gagasan yang berteraskan Islam. Dan, Islam yang menjadi teras gagasan persuratan ini dizahirkan pada tiga falsafah, iaitu Hakikat Insan, Hakikat Ilmu dan Amal, dan Hakikat dan Fungsi Sastera.²⁰ Ketiga-tiga falsafah di atas diikat pula dengan kerangka *taklif*, iaitu satu kerangka yang memperakukan keterikatan dan kebertanggungjawab manusia terhadap ‘perjanjian azali’ mereka dengan Penciptanya. ‘Perjanjian azali’ ini merujuk kepada janji manusia untuk melaksanakan ibadah kepada Allah s.w.t. sepanjang kehidupan mereka di muka bumi. Dengan kerangka *taklif*, setiap tindak-tanduk manusia di muka bumi tidak terlepas daripada matlamat untuk beribadah. Sejalan dengan matlamat ini, Persuratan Baru menjelaskan bahawa matlamat penulisan di sisi Islam adalah untuk beribadah, yakni menyampaikan ‘ilmu yang benar’ di sisi Islam. Dengan ini, kegiatan penulisan menjadi sejenis amal soleh (ibadah) manusia kepada Penciptanya. Dalam konteks ini, Persuratan Baru menjelaskan bahawa ‘ilmu yang benar’ ialah ilmu yang dapat mengajar manusia tentang kebenaran di sisi Islam. Atau lebih tepat lagi, (‘ilmu yang benar’) menjadikan manusia tahu membezakan antara kebenaran dan kepalsuan di sisi Islam.²¹

Seterusnya, dalam konteks penulisan karya kreatif, matlamat menyampaikan ‘ilmu yang benar’ di sisi Islam ini direalisasikan (oleh Persuratan Baru) melalui dua

²⁰ Mohd. Affandi Hassan, *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 15-25.

²¹ Ibid. hlm. 19-20.

prinsip penting.²² Pertama, membezakan antara 'wacana' dengan 'cerita'. Kedua, mengutamakan 'wacana' daripada 'cerita'. Dalam konteks ini, 'wacana' merujuk kepada idea-idea yang dijana dan dimantapkan secara intelektual, dengan huraian, analisis dan sintesis yang dapat membentuk satu wacana atau hujahan ilmiah yang mantap. Dalam konteks penulisan sebagai satu kegiatan ibadah, 'wacana' dalam karya kreatif dituntut supaya akur dengan kerangka 'ilmu yang benar'. Manakala 'cerita' pula merujuk kepada alat-alat penceritaan seperti watak, peristiwa, konflik, plot, latar dan sebagainya, yang lazimnya digembleng bagi membikin sebuah cerita. Dalam Persuratan Baru, 'cerita' itu sendiri tidak menjadi 'ilmu' sebaliknya hanya dimanfaatkan sebagai alat atau wahana untuk menyampaikan 'ilmu' (wacana). Pemanfaatan 'cerita' dengan cara yang sedemikian ini penting bagi memastikan matlamat untuk menyampaikan 'ilmu yang benar' tidak tergugat oleh keghairahan menyampaikan cerita.²³ Dalam konteks kedudukan antara kedua-duanya ('wacana'-'cerita') dalam karya kreatif, Persuratan Baru menetapkan bahawa 'wacana' menjadi isian utama, manakala 'cerita' pula sekadar menjadi alat/wadah untuk menampung 'wacana'. Seajar dengan tuntutan objektif kajian ini, analisis akan terlebih dahulu mengenalpasti isian utama teks-teks yang dikaji, iaitu samada 'wacana' atau 'cerita'. Dalam konteks perbincangan tentang teks Islami yang bermutu tinggi, Persuratan Baru menuntut supaya perbincangan tentang Islam dalam teks kreatif dijana secara mendalam melalui pembentukan 'wacana', dan bukan sekadar terjelma secara superfisial melalui paparan cerita.

Seterusnya, dengan menerapkan kedua-dua prinsip di atas, Persuratan Baru dapat mengenalpasti dengan jelas dan tepat mutu dan nilai kesasteraan sesebuah

²² Penerapan prinsip-prinsip Persuratan Baru ini terhadap beberapa novel dapat diikuti dalam Mohd. Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd. Tahir & Mohd. Zariat Abdul Rani, *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan*, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008, hlm. 217-474.

²³ Dengan menerapkan kerangka Persuratan Baru, analisis saya terhadap 20 novel Melayu mendapati bahawa keghairahan bercerita telah menjadikan novel-novel Melayu yang dikaji ketandusan ilmu. Analisis saya juga mendapati bahawa keghairahan untuk menyampaikan cerita juga menyebabkan beberapa novel dengan berani memperagakan nilai-nilai yang bertentangan dengan Islam, termasuk memanipulasi unsur-unsur seks dan erotik secara eksplisit. Untuk mengikuti analisis dan penghujahan ini, sila rujuk Mohd. Zariat Abdul Rani, *Seksualiti dalam Novel Melayu*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2011.

karya. Ini jelas apabila berdasarkan kedua-dua prinsip di atas, teks-teks yang dikaji bakal dapat dikategorikan sama ada kepada tiga kategori iaitu 'karya persuratan', 'karya sastera' dan 'karya popular/picisan'. Secara ringkasnya, 'karya persuratan' merujuk kepada karya yang mengutamakan wacana, dengan memberikan tumpuan terhadap aspek-aspek pembinaan wacana.²⁴ Seterusnya, 'karya sastera' pula merujuk kepada karya yang mengutamakan cerita, dengan memberikan tumpuan terhadap aspek-aspek pembikinan cerita. Manakala, 'karya popular/picisan' pula merujuk kepada karya yang lebih mengutamakan unsur-unsur yang menepati citarasa popular (karya popular), atau citarasa yang rendah mutunya seperti pornografik atau nafsu kebinatangan (karya picisan), berbanding aspek pembikinan cerita, dan aspek pembinaan wacana, atau pembikinan cerita.²⁵ Penting dijelaskan bahawa sejajar dengan prinsip Islam yang menjadi teras Persuratan Baru, ketiga-tiga kategori di atas disusun mengikut hierarkinya di sisi Islam. Dengan itu, 'karya persuratan' dianggap paling bermutu tinggi, diikuti dengan 'karya sastera', dan seterusnya 'karya popular/picisan' yang dianggap paling rendah mutunya. Dengan prinsip-prinsip di atas, kajian ini akan menganalisis kedua-dua teks kajian.

Liku-liku Cinta dalam *Salju Sakinah* karya Zaid Akhtar

Novel *Salju Sakinah* (seterusnya SS) pada asalnya merupakan novel bersiri yang disiarkan dalam *Utusan Malaysia* sepanjang tahun 2005, dan diterbitkan semula dalam bentuk novel penuh pada tahun 2008. Setelah diterbitkan semula, SS mendapat sambutan hangat di pasaran awam dan terjual lebih 30,000 naskhah. Pemeragaan novel ini sebagai novel popular Islami jelas pada aspek-aspek luaran novel. Umpamanya, kulit novel dicetak dengan label 'The National Bestseller', diikuti dengan ungkapan 'Terjual lebih 30,000 naskhah'. Ransang sari yang tercetak pada kulit novel pula mengutip kenyataan Aminah Mokhtar, seorang penulis novel yang popular di

²⁴ Dalam konteks kesusasteraan Melayu moden, analisis saya mendapati bahawa novel *Melati Kota Bharu* karya A. Kadir Adabi dibangunkan dengan usaha-usaha yang serius untuk membina wacana. Justeru, novel ini dapat dianggap sebagai sebuah 'novel persuratan'. Untuk pemahaman lanjut, sila rujuk Mohd. Zariat Abdul Rani, 'Ilmu dan Penjanaaan Ilmu dalam Novel *Melati Kota Bharu* karya A. Kadir Adabi: Satu Bacaan Intelektual', dlm. Ungku Maimunah Mohd. Tahir (pynt.), *Kedudukan Ilmu dalam Kesusasteraan*, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, hlm. 383-444.

²⁵ Ibid. hlm. 65

Malaysia, seperti berikut: '*Salju Sakinah*, salju kedamaian. Novel Islami yang diindahi nilai-nilai murni dalam kehidupan...'. Kutipan ini dengan jelas memperagakan SS sebagai sebuah 'novel Islami'. Pemeragaan ini diperkuatkan lagi dengan ilustrasi kulit novel yang menampilkan wajah seorang wanita Islam yang bertudung dan berpurdah. Selain itu ialah judul novel itu sendiri yang menghadirkan perkataan Arab, iaitu *sakinah* yang bermaksud 'tenang dan tenteram'. Semakin memperkuatkan imej Islam ialah biodata novelisnya (Zaid Akhtar) yang menonjolkan soal latar belakang pendidikan agamanya. Beliau dinyatakan memiliki ijazah dalam bidang bahasa Arab dari Universiti Yarmouk, Jordan.

SS menceritakan kisah suka-duka kehidupan protagonisnya Sumaiyah, seorang wanita Melayu beragama Islam yang belajar di Jordan. Dalam mengharungi kehidupannya sebagai seorang wanita, Sumaiyah diceritakan mengharungi pelbagai cabaran. Ketika menuntut di Jordan, Sumaiyah diuji dengan kegagalan cinta pertamanya dengan Afnan (kekasih pertamanya), dan kemudiannya diuji pula dengan kematian ayahnya. Ketika ingin memulakan kehidupan baru di Malaysia, Sumaiyah diuji lagi dengan lamaran cinta dan permainan emosi dua jejaka, Luqman dan Muazam. Kemudiannya, Sumaiyah diuji lagi dengan kegagalan dalam pelajaran yang memaksa dia kembali semula ke Jordan untuk menyudahkan pengajiannya. Sekembalinya ke Jordan, Sumaiyah menemui cinta sejatinya yang akhirnya membawa dia ke alam perkahwinan.

Bacaan awal terhadap SS menimbulkan beberapa kesan signifikan. Antaranya, perjalanan ceritanya yang agak perlahan, dan ini disebabkan saratnya novel dengan peristiwa-peristiwa pendek yang tidak membawa kepada tercetusnya konflik dan membangunkan cerita. Walau bagaimanapun, ini dapat difahami apabila mengenangkan bahawa novel ini pada asalnya disiarkan secara bersiri, sebelum diterbitkan semula dalam bentuk novel penuh. Sebagai sebuah novel bersiri, menjadi satu strategi lumrah untuk membiarkan peristiwa-peristiwa penting tergantung-gantung, guna mengekalkan minat pembaca untuk mengikuti kisah-kisah yang seterusnya. Justeru, unsur ketegangan atau suspen didapati menjadi antara elemen yang paling

banyak dimanipulasi, seiring dengan penggemblengan alat-alat penceritaan lain seperti watak, latar, peristiwa dan plot. Dalam usaha mengenalpasti isian utama novel, kesan-kesan ini menjadikan bacaan awal lebih tertumpu kepada alat-alat penceritaan tersebut, dan penggemblengannya.

Bacaan juga mendapati bahawa SS menjadikan Jordan sebagai latar ceritanya. Latar yang dipilih ini memungkinkan kehadiran sejumlah watak mahasiswa Malaysia yang sedang menuntut di luar negara. Dalam latar ini, novel menampilkan protagonisnya, Sumaiyah yang dihantar oleh keluarganya menuntut dalam bidang pengajian Islam di Universiti Yarmouk. Novel bermula dengan Sumaiyah (ketika sedang menuntut di Jordan) menerima surat daripada teman lelaki pertamanya, Afnan. Surat tersebut meminta Sumaiyah melupakan dirinya (Afnan) yang sudah pun mempunyai pilihan hati yang lain. Novel seterusnya menceritakan bagaimana Sumaiyah menepis kekecewaannya dengan menyibukkan diri dengan pelajaran dan aktiviti persatuan. Sehinggalah pada satu suatu hari, berlakunya insiden pertemuan Sumaiyah dengan Naufal, seorang mahasiswa Malaysia yang belum dikenalnya. Berdasarkan kepada ingatan Sumaiyah yang tidak luput terhadap insiden pertemuannya dengan Naufal, novel dengan jelas memberikan isyarat bahawa pertemuan Sumaiyah-Naufal adalah signifikan dalam perkembangan cerita yang selanjutnya. Jangkaan ini semakin jelas apabila selepas insiden pertemuan itu, novel mempertemukan Sumaiyah sekali lagi dengan Naufal (dalam satu majlis forum), sebelum dia (Sumaiyah) kemudiannya meninggalkan Jordan untuk kembali ke Malaysia. Dengan kembalinya protagonis itu ke tanahair, cerita kemudiannya bertukar latar, iaitu dari Jordan ke Malaysia. Dan pertukaran latar ini sekaligus memungkinkan pengenalan watak-watak baru di Malaysia, dan sekaligus meniadakan watak-watak di Jordan khususnya Naufal, dalam cerita. Ini dengan sendirinya menimbulkan tanda-tanya terhadap motif novel menemukan Sumaiyah dengan Naufal, tetapi kemudian membiarkan perkenalan itu tergantung tanpa kesudahan yang pasti. Dengan latar Malaysia, plot terus berkembang dengan cerita-cerita kehidupan Sumaiyah di kampung. Antara yang signifikan ialah insiden pertemuan Sumaiyah dengan Luqman, bekas teman sekolahnya. Selain itu ialah perkenalannya dengan Muazam, pembantu perusahaan arwah ayahnya. Kedua-dua

insiden ini banyak menimbulkan unsur suspen terhadap kemungkinan-kemungkinan yang bakal terjadi seterusnya, berbanding insiden-insiden lain. Dalam konteks pertemuan Sumaiyah-Luqman, lelaki ini (Luqman) diceritakan jatuh hati dan ingin menyunting cinta Sumaiyah. Rasa ingin tahu terhadap kemungkinan terpatrinya hubungan cinta mereka dengan sendirinya memuncak, terutamanya dengan strategi novel melambat-lambatkan keputusan Sumaiyah sama ada mahu menerima atau menolak cinta Luqman. Sumaiyah diceritakan masih ragu-ragu kerana terlalu kecewa akibat putus cinta dengan Afnan. Manakala dalam konteks perkenalan Sumaiyah-Muazam pula, cerita banyak berlegar sekitar permainan emosi Sumaiyah yang hari demi hari semakin mengkagumi kejujuran pemuda itu (Muazam). Ini menimbulkan tanda-tanya tentang kemungkinan Sumaiyah akhirnya jatuh cinta kepada Muazam, atau sebaliknya. Pada tahap ini, adalah jelas bahawa plot SS sarat dibumbui dengan elemen-elemen suspen yang dapat menimbulkan rasa ingin tahu, dan sekaligus mengekalkan keinginan untuk mengikuti kisah-kisah selanjutnya. Satu perkara yang perlu disedari ialah semua elemen-elemen suspen ini tertumpu kepada satu perkara, iaitu persoalan cinta Sumaiyah.

Dalam perkembangan cerita yang seterusnya, elemen suspen didapati semakin kendur dengan berita kegagalan Sumaiyah dalam satu subjek semester akhir. Ini menyebabkan dia terpaksa kembali semula ke Jordan untuk mengulang semula pengajiannya. Dan sekali lagi, latar cerita bertukar dari Malaysia ke Jordan semula. Pertukaran latar ini sangat signifikan, terutamanya dalam konteks perkembangan kisah cinta Sumaiyah. Ini kerana, kembalinya novel kepada latar Jordan memberi peluang kepada watak-watak mahasiswa Malaysia yang sedang menuntut di sana (Jordan) untuk kembali beraksi. Ini termasuklah watak Naufal yang sebelumnya ditiadakan dalam plot secara tergantung-gantung tanpa kesudahan, seiring dengan bertukarnya latar dari Jordan ke Malaysia. Masuknya semula Naufal dalam cerita dianggap sangat signifikan kerana dengan kemasukannya ini, cerita cinta Sumaiyah kembali berkembang. Ini jelas apabila sekembalinya novel ke latar Jordan, cerita diisi dengan kisah-kisah pertemuan semula Sumaiyah-Naufal, lamaran dan majlis perkenalan (*taaruf*) mereka, persiapan dan majlis perkahwinan mereka, dan seterusnya

kebahagiaan mereka melayari kehidupan suami isteri. Berdasarkan kepada cara penceritaan kisah-kisah ini yang lengkap dengan beberapa konflik dan elemen-elemen suspen, adalah jelas bahawa novel memberikan perhatian yang besar terhadap perjalanan kisah cinta Sumaiyah-Naufal. Ini dengan sendirinya menenggelamkan soal masalah pengajian Sumaiyah yang kemudiannya diselesaikan secara sepintas lalu sahaja. Dengan itu, adalah jelas bahawa motif novel menggembalikan Sumaiyah ke Jordan adalah untuk menyelesaikan kisah cinta protagonis itu. Fokus terhadap kisah cinta Sumaiyah ini juga jelas apabila novel mengambil inisiatif untuk meleraikan elemen-elemen suspen terhadap kesudahan hubungan Sumaiyah dengan Luqman dan Muazam. Kedua-dua jejak itu akhirnya diceritakan menemui pasangan hidup masing-masing.

Analisis di atas berusaha untuk memperlihatkan betapa besarnya peranan elemen-elemen suspen, selain watak, latar, peristiwa dan plot, dalam pembikinan SS. Dan seperti yang telah dinyatakan juga, besarnya peranan suspen ini dapat difahami dengan latar belakang SS yang sebelumnya terbit sebagai sebuah novel bersiri. Dengan manipulasi sepenuhnya unsur-unsur suspen, maka tidak hairanlah SS (ketika diterbitkan secara bersiri) berupaya menarik pembacanya yang tersendiri yang dikatakan ternanti-nanti perkembangan cerita yang selanjut, seperti yang dinyatakan melalui salinan respon pembaca pada halaman awal novel terbitan PTS Sdn. Bhd. ini. Apa yang lebih penting ialah analisis yang memperlihatkan bagaimana alat-alat penceritaan seperti unsur suspen, watak, latar, peristiwa dan plot digembleng sepenuhnya untuk memungkinkan cerita berkembang, dan dikekalkan perkembangannya itu. Dan tidak kurang penting ialah hasil analisis yang memperlihatkan bahawa penggembleran alat-alat penceritaan ini adalah untuk membangunkan kisah cinta Sumaiyah. Fokus terhadap kisah cinta ini jelas apabila peristiwa-peristiwa penting yang mengisi plot sebahagian besarnya adalah peristiwa-peristiwa berkaitan hubungan Sumaiyah dengan calon-calon teman lelakinya. Ini dapat dibuktikan apabila selepas peristiwa kegagalan cinta Sumaiyah-Afnan, plot seterusnya berkembang dengan perkenalannya dengan Naufal, keraguan cintanya terhadap Luqman, serta kekagumannya kepada Muazam. Fokus novel terhadap kisah cinta

semakin jelas apabila cerita diakhiri dengan perkahwinan Sumaiyah-Naufal, yang sekaligus meleraikan kesemua unsur-unsur suspen yang dibangunkan daripada awal dan sepanjang cerita. Justeru, dapat dikatakan bahawa cerita cinta Sumaiyah menjadi isian utama yang mengisi SS.

Lanjutan itu, satu persoalan yang timbul ialah jika kisah cinta yang menjadi fokusnya, dimanakah pula letaknya Islam dalam novel ini? Seperti yang telah dinyatakan lebih awal, aspek-aspek luaran seperti kulit novel, judul, biodata novelis dan ransang sari dengan jelas memperagakan SS sebagai sebuah 'novel Islami'. Dalam hal ini, jika dapat dikatakan Islami sekalipun ialah apabila novel memaparkan cerita tentang kisah hidup watak-watak yang beragama Islam, yang digambarkan mengamalkan cara hidup yang sejajar dengan hukum-hukum Islam. Dengan kata lain, Islam dalam novel ini hanya terjelma pada imej-imej luaran seperti cara berpakaian atau kegiatan yang bersifat upacara. Ini umpamanya paling ketara apabila cerita tentang kumpulan mahasiswa Malaysia di Jordan begitu menitikberatkan gambaran tentang cara berpakaian watak-watak, terutamanya watak-watak wanita yang berjilbab. Begitu juga manifestasi-manifestasi lain yang dapat dikaitkan dengan Islam seperti majlis *taaruf* (perkenalan) lelaki-perempuan secara terbuka dan beradab, majlis *talaqqi* (bacaan kitab secara berdepan), majlis bacaan Surah Yassin dan majlis *tahlil*. Selain manifestasi-manifestasi ini, agak jelas bahawa amat kurangnya usaha novel untuk menangani Islam secara lebih serius dan intelektual sifatnya. Adalah jelas bahawa tiadanya usaha untuk menghadirkan wacana-wacana ilmiah yang mengupas secara serius isu-isu berkaitan Islam, sedangkan novel dari segi ceritanya mempunyai banyak kesempatan untuk berbuat demikian. Antaranya, apabila novel menghadirkan konflik ajaran sesat di kampung Sumaiyah. Hadirnya konflik ini sebenarnya boleh memberi ruang kepada novel untuk menangani secara serius persoalan-persoalan berkaitan aqidah Islam. Umpamanya, novel boleh memanfaatkan cerita ini dengan memperdalamkan perbincangan tentang konsep tauhid dan hujah-hujah Islam yang menentang tahyul dan khurafat. Akan tetapi, kesempatan ini jelas tidak dimanfaatkan apabila novel lebih asyik bercerita tentang konflik-konflik hubungan keluarga yang terjejas akibat kegiatan ajaran sesat itu (kerana kakak Sumaiyah sendiri terlibat dengan ajaran itu). Selain itu, novel

mematikan konflik ajaran sesat dengan begitu mudah atau *simplistic*, apabila pembawa ajaran sesat dan pengikutnya diceritakan mati dipanah petir. Strategi seumpama ini bukan sahaja menutup kemungkinan untuk novel menangani persoalan akidah Islam secara lebih serius dan kritis, tetapi menyerlahkan strategi penceritaan yang lemah. Dalam aspek pembikinan cerita, peleraian konflik secara *simplistic* adalah satu manifestasi kelemahan yang ketara.

Kesan di atas lebih dirasai apabila novel memilih Jordan sebagai lokasi cerita, dan menempatkan protagonisnya dalam kelompok mahasiswa Malaysia yang sedang menuntut dalam bidang pengajian Islam. Adalah jelas bahawa cerita-cerita yang timbul daripada lokasi dan kelompok mahasiswa Islam ini hanyalah kisah-kisah cinta Sumaiyah dan teman-teman sekuliahnya. Tidak dinafikan bahawa adanya usaha novel untuk membangkitkan isu-isu berkaitan Islam seperti pergolakan umat Islam di Palestin. Akan tetapi, apa yang jelas isu-isu tersebut hanya dicetuskan secara sepintas lalu dan sekadar melepaskan batok di tangga, apabila hanya timbul dalam perbualan-perbualan santai antara watak-watak. Seiring dengan keghairahan watak-watak berbicara tentang cinta, isu-isu berkaitan Islam ini dengan mudah ditenggelamkan oleh pelbagai kisah cinta watak-watak yang sarat mengisi novel. Adalah jelas di sini bahawa isu utama yang diberikan perhatian ialah konflik cinta, dan bukannya isu atau persoalan serius dan ilmiah tentang Islam. Dengan latar ceritanya yang sebahagian besarnya mengambil tempat di Asia Barat, dan ditambahkan lagi dengan kehadiran watak-watak mahasiswa yang digambarkan berpendidikan dan prihatin pula terhadap Islam, novel sebenarnya mempunyai banyak peluang untuk membahaskan isu-isu berkaitan Islam di peringkat antarabangsa secara serius dan kritis. Adalah jelas bahawa lokasi di Jordan yang menempatkan sekumpulan mahawasiswa Malaysia itu hanya dipenuhi dengan cerita-cerita cinta, yang sebenarnya sudah boleh ditangani dengan jayanya tanpa perlunya cerita menjadikan sebuah negara Arab sebagai latar. Sesungguhnya, pemilihan Jordan sebagai latar dengan focus cerita yang sedemikian, lebih tepat menampilkan SS hanya sebagai sebuah novel yang sarat menceritakan kisah-kisah cinta mahasiswa Malaysia di Jordan. Dari segi pengemblengan cerita sahaja, latar Jordan yang tidak dimanfaatkan sepenuhnya menjadi satu kelemahan yang ketara. Dengan kata lain, jika

dinilai sebagai sebuah cerita sekalipun, SS adalah sebuah novel yang lemah dan tidak canggih pembikinan ceritanya.

Lara Cinta dalam *Warkah Cinta Berbau Syurga* karya A. Ubaidillah Alias

Analisis seterusnya beralih kepada novel *Warkah Cinta Berbau Syurga* (seterusnya *WCBS*) karya A. Ubaidillah Alias. Seperti yang telah dinyatakan, *WCBS* merupakan sebuah lagi novel popular Islami terbitan PTS Sdn. Bhd. yang telah mendapat sambutan yang hangat, sebagaimana yang terbukti pada angka jualan dan ulang cetak novel atas permintaan ramai. Sebagaimana SS, imej keislaman *WCBS* juga diperagakan dengan jelas pada aspek-aspek luaran novel. Ilustrasi kulit novel umpamanya, juga menampilkan wajah gadis bertudung litup dan memakai purdah. Begitu juga judul novel, yang meskipun tiada menurunkan istilah-istilah Arab, tetapi tetap menimbulkan nuansa agama dengan kehadiran perkataan 'syurga'. Lebih jelas ialah biodata novelisnya, yang dikatakan seorang *al-hafiz* atau penghafaz Al-Quran, dan berkelulusan dalam bidang Usuluddin dari Universiti Al Azhar di Kaherah, sebuah universiti Islam yang terkenal di seluruh dunia. Tidak kurang menariknya ialah salah satu ransang sari yang tercetak di bahagian belakang kulit novel. Ransang sari ini mengutip kenyataan Zaid Akhtar (novelis SS) yang menyamakan *WCBS* dengan *Ayat Ayat Cinta* (AAC). Antara yang disamakan ialah dari segi deskripsi negara Mesir yang menjadi latar cerita *WCBS* dan AAC. Hakikat bahawa kenyataan ini dipilih sebagai ransang sari novel, memperlihatkan kecenderungan untuk memperagakan *WCBS* sebagai 'novel Islami', iaitu satu label yang sama dan terlebih dahulu dilekatkan pada AAC, sebagaimana yang dikutip: 'Jika novel *Ayat Ayat Cinta* menyorot latar Mesir dari pandangan seorang mahasiswa Indonesia, maka *Warkah Cinta Berbau Syurga* ini disorot dari kaca mata seorang mahasiswa Malaysia yang menuntut di sama'.²⁶ Dengan ransang sari ini, selain diperkuatkan oleh aspek-aspek luaran novel, adalah jelas bahawa *WCBS* diperagakan sebagai sebuah 'novel Islami'.

²⁶ A. Ubaidillah Alias, *Warkah Cinta Berbau Syurga*, Cetakan Ketiga, PTS Litera Utama Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 2009.

Bacaan awal mendapati bahawa *WCBS* mengisahkan kehidupan protagonisnya bernama Amir Mukhlis, seorang remaja Islam yang berhemah tinggi dan taat berpegang kepada ajaran agamanya. Sebagai seorang remaja, Amir Mukhlis diceritakan tidak terlepas mengalami pengalaman cinta. Ketika sedang menuntut di sebuah maahad tahfiz Al-Quran di Kelantan, Amir Mukhlis berkenalan dengan seorang pelajar perempuan (yang bersekolah lain) bernama Wardah. Sepanjang berkenalan gadis tersebut, Amir dibelenggu oleh rasa kluatir kalau-kalau hubungannya dengan Wardah mendorong kepada perbuatan maksiat yang dilarang agamanya. Disebabkan oleh rasa kluatir ini, Amir Mukhlis diceritakan berusaha menjarakkan dirinya dengan Wardah, dan tindakannya ini menyebabkan hubungan mereka menjadi renggang. Walau bagaimanapun, hubungan mereka akhirnya terputus ketika Amir Mukhlis melanjutkan pengajiannya di Universiti Al-Azhar di Kaherah, Mesir. Kecewa dengan kejadian ini, Amir Mukhlis meneruskan kehidupannya sebagai seorang mahasiswa, selain menyibukkan dirinya dengan bidang penulisan. Dalam kesibukan itu, Amir Mukhlis berkenalan dengan Balqis, seorang mahasiswi Malaysia yang juga menuntut di Kaherah. Balqis begitu mengkagumi Amir Mukhlis, terutama keperibadian, kepetahannya berhujah serta kebolehannya mengarang. Akan tetapi, minat Balqis ini tidak disambut oleh Amir Mukhlis, kerana protagonis itu sedar bahawa dia bakal tidak hidup lama kerana mengidap kanser otak yang kronik. Cerita berakhir dengan Amir kembali ke Malaysia setelah tamat pengajian, dan selamat menjalani pembedahan untuk mengubati penyakitnya, tanpa kesudahan yang jelas tentang hubungannya dengan Balqis.

Bacaan awal mendapati bahawa *WCBS* tertumpu kepada perjalanan hidup protagonisnya, Amir Mukhlis. Tumpuan ini jelas apabila latitud cerita tertumpu kepada watak Amir Mukhlis dan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam kehidupannya. Dalam konteks ini, adalah signifikan apabila novel memilih untuk menghadirkan seorang protagonis beragama Islam, yang mempunyai ilmu pengetahuan Islam yang mendalam, dan sangat komited pula terhadap agamanya. Sejajar dengan keperibadian ini, watak Amir Mukhlis dihadirkan dalam latar keagamaan, iaitu sebagai pelajar di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat di Pulau Condong, Machang, Kelantan. Gabungan antara aspek

watak dan perwatakan dengan aspek latar ini dianggap signifikan kerana melaluinya, cerita dapat menimbulkan unsur-unsur keislaman. Ini jelas apabila dengan menghadirkan watak Amir Mukhlis sebagai seorang yang taat beragama, dan belajar pula di sebuah sekolah pengajian Al-Quran, cerita dengan mudah menggambarkan akhlak dan keprihatinan protagonisnya terhadap hukum-hukum Islam, terutamanya soal pergaulan bebas lelaki-perempuan. Dan keprihatinan ini dimanifestasikan pada beberapa babak dan peristiwa yang menggambarkan keberatan protagonis untuk mengeratkan perhubungannya dengan watak-watak wanita ke tahap yang lebih mesra dan intim. Amir Mukhlis diceritakan begitu memelihara kesucian perhubungannya dengan Wardah, sehingga perhubungan mereka itu tidak berjalan sebagaimana hubungan cinta tipikal pasangan remaja yang lazimnya dibumbui dengan rajuk dan pujuk rayu cinta. Amir Mukhlis juga diceritakan begitu kuat berpegang kepada agamanya, sehingga pada tahap dia rela kehilangan cintanya dengan Wardah jika Tuhan mentakdirkan sedemikian. Sementara itu, Wardah pula hadir dengan perwatakannya yang juga pintar, berilmu dan taat kepada Islam. Ini jelas apabila pendirian Amir Mukhlis memelihara akhlaknya sebagai seorang muslim, tidak pula menimbulkan rasa bosan atau salah faham Wardah. Sebaliknya, dia diceritakan semakin menyintai Amir Mukhlis, kerana memahami rasional di sebalik tindakan teman lelakinya itu. Dengan perwatakan Wardah yang sedemikian, sukar untuk cerita menghadirkan konflik-konflik cinta antara dia dengan protagonis. Ini menjadikan soal cinta dan hubungan percintaan protagonis kurang mendapat perhatian dalam cerita di latar Kelantan. Adalah jelas bahawa cerita-cerita di latar Kelantan lebih tertumpu kepada manifestasi keperibadian protagonis yang taat berpegang kepada agamanya. Manifestasi-manifestasi cerita yang seumpama ini yang menimbulkan unsur-unsur Islam.

Seterusnya, novel berkembang dengan perubahan latar dari Kelantan ke Kaherah, seiring dengan cerita Amir Mukhlis melanjutkan pelajaran di Universiti Al-Azhar. Adalah penting untuk dinyatakan bahawa seiring dengan perubahan latar ini, fokus cerita dalam *WCBS* didapati turut berubah. Berbanding dengan cerita ketika di latar Kelantan yang banyak memmanifestasikan akhlak protagonist yang Islamik, cerita di

latar Kaherah pula berlegar sekitar keluh kesah protagonisnya mengharungi kehidupan setelah gagal dan kecewa bercinta. Ini bermula apabila ketika menuntut di Universiti Al-Azhar, Amir Mukhlis diceritakan menerima berita perkahwinan Wardah yang diatur oleh ayahnya. Berita ini meremukkan hati Amir Mukhlis, dan semenjak itu dia mengubat lara hatinya dengan menulis rencana dan puisi untuk jurnal persatuan pelajar Malaysia di Kaherah. Rencana dan puisi Amir Mukhlis ini mengisi beberapa ruang sepanjang cerita di latar Kaherah. Selain itu ialah warkah-warkah cinta Amir Mukhlis kepada Wardah. Isi kandungan rencana, puisi dan warkah cinta ini rata-rata berlegar pada satu perkara, iaitu luahan isi hati Amir Mukhlis yang kecewa setelah putus cinta dengan Wardah. Meskipun terdapat beberapa rencana yang menceritakan tentang pengalaman Amir Mukhlis menyelusuri kota Kaherah, akan tetapi pilihan perkataan dan simbol tertentu yang digunapakai tetap menimbulkan nuansa-nuansa putus cinta. Adalah jelas bahawa cerita *WCBS* ketika di latar Kaherah, diisi dengan cerita-cerita lara cinta protagonisnya. Hanya setelah beberapa bab dalam cerita di latar Kaherah, novel menggendurkan kisah lara cinta protagonisnya dengan memperkenalkan watak Balqis, seorang pelajar perempuan dari Malaysia yang baru menuntut di Kaherah. Balqis diceritakan begitu tertarik dan menjadi peminat setia tulisan-tulisan dan puisi-puisi Amir Mukhlis, tanpa mengetahui identiti sebenarnya penulisnya (Amir Mukhlis menggunakan nama samara 'Qalam Hazin'). Meskipun perkembangan cerita ini berupaya menukarkan mood cerita daripada kisah lara kepada berputiknya bunga-bunga cinta, akan tetapi tumpuannya tetap sama, iaitu kisah cinta protagonis. Kemungkinan berputik kembali cinta protagonis diperkuatkan dengan babak yang memperkenalkan Balqis kepada Amir Mukhlis. Rentetan daripada itu, kedua-duanya menjalinkan persahabatan, meskipun Amir Mukhlis diceritakan masih dingin terhadap Balqis. Akan tetapi, kedinginan hati Amir Mukhlis ini diimbangi oleh perasaan Balqis yang membuak-buak untuk mengetahui identiti sebenar 'Qalam Hazin', dan pada masa yang sama mengharapkan cinta Amir Mukhlis. Ini menjadikan fokus terhadap cinta dalam cerita di latar Kaherah tetap konsisten dan tidak terjejas. Malah, kisah-kisah harapan cinta Balqis yang sedang membunga-bunga ini mengisi sebahagian besar cerita dengan latar di Kaherah. Ini dengan ketara mengalihkan fokus cerita yang ketika latar di Kelantan yang lebih tertumpu kepada keperibadian mulia Amir Mukhlis, kemudiannya beralih kepada keluh

kesah cinta protagonis itu ketika latar di Kaherah. Fokus terhadap cinta ini jelas berlanjutan hingga ke bahagian-bahagian penghujung novel, meskipun setelah protagonis meninggalkan latar di Kaherah dan kembali semula ke latar di Kelantan pada penghujung cerita. Ini jelas apabila soal cinta dikejapkan dalam babak akhir dengan novel menghadirkan ucapan hati Amir Mukhlis yang memohon maaf kepada Wardah dan Balqis kerana tidak dapat menyambut cinta kedua-dua wanita ini. Analisis di atas dengan jelas memperlihatkan bahawa aspek watak dan perwatakan, dan aspek latar memainkan peranan yang dominan dalam pembikinan cerita secara keseluruhannya. Penggembengan kedua-dua alat penceritaan ini memungkinkan cerita hadir dan berkembang hingga ke akhirnya. Ini dengan sendirinya bererti, isian cerita mendominasi *WCBS*.

Seterusnya, dalam konteks dominasi isian cerita ini, unsur-unsur Islam hadir terutamanya melalui manifestasi watak dan perwatakan, seiring dengan kisah cinta yang sedia tercetus sejak awal cerita. Adalah jelas bahawa unsur-unsur Islam lebih banyak hadir pada bahagian pertama novel, iaitu ketika cerita mengambil lokasi di Kelantan. Manakala dalam bahagian seterusnya iaitu ketika novel mengambil lokasi di Kaherah, unsur-unsur Islam semakin mencair, sedangkan fokus terhadap kisah cinta pula bukan sahaja kekal, malah semakin meningkat. Dalam konteks kehadiran kisah cinta dan unsur-unsur Islam, kisah cinta jelas lebih dominan kerana hadir dan diperkembangkan secara konsisten sepanjang cerita. Ini jelas apabila selepas pengenalan watak protagonisnya, cerita seterusnya berkembang dengan perkenalan dan perhubungannya dengan Wardah, kekecewaannya dengan Wardah, perkenalan Amir Mukhlis dengan Balqis, dan seterusnya tindakannya menghancurkan harapan cinta Balqis. Dengan perkembangan cerita yang sedemikian, adalah jelas bahawa fokus terhadap kisah cinta protagonisnya yang menggerakkan dan mengekalkan perjalanan cerita *WCBS*.

Sejajar dengan kebergantungan terhadap isian cerita, adalah jelas bahawa tiadanya usaha-usaha serius untuk mengangkat Islam pada tahap intelektual, iaitu melalui pembinaan wacana dan hujah-hujahan ilmiah. Apa yang ketara ialah hadirnya

beberapa maklumat tentang pergaulan lelaki-perempuan Islam pada bahagian-bahagian awal novel, iaitu ketika cerita mengambil latar di Kelantan. Akan tetapi, maklumat-maklumat ini seterusnya bukan sahaja tidak dimantapkan secara ilmiah, bahkan dibiarkan luput seiring dengan kesibukan novel meneruskan kisah-kisah cinta protagonis. Tiadanya usaha untuk menjana idea dan wacana secara ilmiah semakin jelas apabila cerita beralih ke latar di Kaherah, yang menyaksikan fokus yang semakin terarah kepada kisah-kisah lara cinta protagonis. Dalam konteks ini, adalah sesuatu yang merugikan apabila pemilihan latar di Kaherah tidak dimanfaatkan sepenuhnya untuk menghadirkan idea-idea berkaitan Islam secara serius dan mantap. Ini paling jelas, umpamanya ketika novel menyisipkan beberapa warkah dan catatan ketika cerita mengambil latar di Kaherah. Kecuali satu warkah yang menceritakan tentang sejarah Pattani, catatan dan warkah lain lebih berlegar sekitar perasaan dan keluh kesah cinta sang protagonis. Malah warkah tentang sejarah Pattani itu juga begitu ringkas, santai dan tidak kritis, dan justeru tidak dapat dianggap sebagai satu usaha ilmiah yang serius. Lebih melemahkan ialah apabila fungsi latar di Kaherah khususnya Universiti Al Azhar, hanya terbatas sebagai tempat berhimpun pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut dalam bidang pengajian Islam. Kehadiran latar sebuah negara Arab-Islam dan di luar Malaysia ini jelas sama sekali tidak dimanfaatkan bukan sahaja untuk mencetuskan perbincangan tentang isu-isu masyarakat Islam di peringkat antarabangsa, bahkan cerita tentang protagonis itu sendiri. Meskipun latar cerita berpindah ke Kaherah, namun fokus cerita terutamanya emosi dan motivasi protagonis masih lagi bergelut dengan konflik-konflik, yang berkaitan dengan latar di Kelantan. Lebih jelas lagi ialah tiadanya watak-watak tempatan di Mesir atau antarabangsa yang secara signifikan berfungsi untuk mencetuskan konflik-konflik seiring dengan perubahan latar ke Kaherah. Yang hadir dengan fungsi sedemikian adalah watak pelajar Malaysia, Balqis yang ditugaskan untuk menjentik rasa cinta protagonis. Dengan kata lain, latar Kaherah tidak memainkan fungsinya yang signifikan dalam pembikinan cerita itu sendiri.²⁷ Tidak

²⁷ Dalam konteks ini, WCBS tidak dapat disamakan dengan AAC. Analisis saya pada kesempatan lain mendapati bahawa latar Kaherah telah dimanfaatkan dalam AAC untuk menghadirkan watak-watak selain warga Indonesia, dan lebih signifikan lagi watak-watak ini kemudiannya turut memainkan peranan penting dalam konflik-konflik cerita yang tercetus. Untuk pemahaman lanjut, sila rujuk Mohd. Zariat Abdul Rani, 'Popular Islamic Novels of Indonesia and Malaysia: A Preliminary Exploration',

keterlaluan dikatakan bahawa dengan garapan cerita sedemikian, kisah-kisah lara cinta protagonis sebenarnya masih dapat diceritakan dengan jayanya tanpa novel perlu berhijrah jauh meninggalkan Malaysia dan 'singgah' di sebuah negara Arab. Apa yang jelas ialah latar di Kaherah hanya berfungsi untuk sekadar menghadirkan deskripsi-deskripsi fizikal tentang kota itu, dan memberikan nuansa-nuansa eksotik terhadap latar cerita. Kegagalan latar Kaherah ini berfungsi dan menyumbang secara berkesan terhadap perkembangan cerita, dengan jelas mencerminkan kelemahan dalam aspek pembikinan naratif. Dengan kata lain, jika cerita dan aspek pembikinan cerita menjadi ukuran, *WCBS* sama seperti *SS*, tidak dapat dianggap sebagai novel yang kuat.

Kesimpulan

Analisis di atas dengan jelas melakarkan tiga dapatan penting yang menjadi fokus perbincangan ini. Pertama, analisis ini mengenalpasti cerita sebagai isian yang diutamakan dalam kedua-dua teks yang dikaji. Pengutamaan ini jelas apabila kedua-dua teks yang dikaji didapati menggembleng alat-alat penceritaan seperti watak, alat, plot dan unsur ketegangan untuk menghadirkan dan mengembangkan cerita. Penggemblengan alat-alat penceritaan ini didapati konsisten, dan dengan itu mengekalkan cerita sebagai isian utama dalam kedua-dua teks yang dikaji, dari awal hingga akhir. Dengan keutamaan cerita ini, soal kehadiran dan pembinaan wacana tidak mendapat perhatian dalam kedua-dua teks yang dikaji. Ini jelas apabila tiadanya usaha serius untuk membahaskan isu-isu tertentu secara serius dan ilmiah, meskipun kedua-dua teks yang dikaji didapati mempunyai kesempatan untuk melaksanakannya. Kesempatan-kesempatan untuk membangunkan wacana secara serius dan ilmiah jelas dibiarkan berlalu begitu sahaja, disebabkan keutamaan kedua-dua teks yang dikaji terhadap isian cerita. Akan tetapi, keutamaan ini tidak pula bererti cerita dalam kedua-dua teks yang dikaji ini mantap dan canggih. Seperti yang telah dinyatakan lebih awal, analisis ini mendapati penggemblengan alat-alat penceritaan hanya sekadar bertujuan

kertas kerja yang dibentangkan sebagai kuliah umum di Asia Research Institute (ARI) Weekly Seminars Series, anjuran Asia Research Institute (ARI), National University of Singapore, Kampus Bukit Timah, pada 28 Jun 2010, & Mohd. Zariat Abdul Rani, 'Islam, Romance and Popular Taste in Indonesia: A Textual Analysis of *Ayat Ayat Cinta* by Habiburrahman El-Shirazy and *Syahadat Cinta* by Taufiqurrahman Al-Azizy' (bakal terbit 2012).

bagi menghadirkan dan mengembangkan cerita, dan seterusnya mengekalkan perkembangan cerita. Analisis ini juga mendapati bahawa dari segi strategi pembikinan cerita, kedua-dua teks yang dikaji memperlihatkan kelemahan-kelemahannya yang begitu ketara. Ini jelas antaranya pada penggunaan latar Timur Tengah yang tidak berfungsi dengan berkesan, selain konflik-konflik yang terlerai secara begitu simplistic. Dengan kata lain, jika dinilai sebagai sebuah cerita sekalipun, kedua-dua teks yang dikaji merupakan novel-novel yang lemah.

Kedua, dan sehubungan dengan dapatan-dapatan di atas, analisis ini juga mengenalpasti kedudukan Islam dalam teks-teks yang dikaji, iaitu pada tahap cerita, dengan manifestasi-manifestasi unsur-unsur luaran berkaitan Islam. Manifestasi Islam yang sedemikian bertitik tolak daripada keutamaan terhadap cerita. Dengan keutamaan ini, fokus diberikan terhadap kisah protagonis dalam mengharungi liku-liku percintaan. Ini menjadikan kedua-dua teks yang dikaji itu hanya memperagakan sebuah kisah cinta. Dalam konteksnya sebagai sebuah kisah cinta inilah, ciri-ciri watak dan perwatakan protagonis, dan latar umpamanya, didapati telah memberikan 'warna' terhadap kisah cinta yang diperagakan itu. Oleh kerana protagonis yang dipilih terdiri daripada watak-watak orang Islam yang taat beragama, manakala latar yang dipilih pula adalah negara-negara Islam, maka kedua-dua teks yang dikaji dengan mudah mewarnakan ceritanya dengan manifestasi-manifestasi yang berlegar sekitar kehidupan orang Islam. Ini menjadikan Islam yang terpapar adalah Islam yang terjelma melalui paparan perwatakan terutamanya imej dan cara berpakaian, dan tindak-tanduk protagonis serta watak-watak lain. Dengan itu, manifestasi-manifestasi berkaitan Islam yang diperagakan dalam kedua-dua teks yang dikaji jelas bersifat permukaan (*surface*), cetek dan superficial. Lebih tepat lagi, apa yang jelas terpapar ialah unsur-unsur luaran berkaitan Islam, dan bukannya intipati (*essence*) Islam itu sendiri. Sehubungan itu, adalah jelas bahawa Islam dalam kedua-dua teks yang dikaji tidak terjelma pada tahap yang mendalam dan substantif. Kegagalan dalam menjelmakan intipati Islam ini berpunca daripada tiadanya usaha untuk membangunkan idea-idea intelektual secara ilmiah, dan seterusnya membina wacana. Adalah jelas daripada analisis ini bahawa

kisah cinta dan unsur-unsur luaran Islam menjadi dua ramuan utama yang mengisi kedua-dua yang teks yang dikaji.

Ketiga, dan berdasarkan dapatan-dapatan di atas, analisis ini berhasil merumuskan mutu dan nilai kesasteraan kedua-dua teks yang dikaji. Sebagaimana yang terserlah dalam analisis, kedua-dua teks yang dikaji didapati tidak memperlihatkan usaha yang serius untuk membina wacana, atau mengutarakan hujahan-hujahan ilmiah. Justeru, wacana dan hujahan ilmiah menjadi isian yang asing dalam kedua-dua teks yang dikaji. Keasingan inilah yang menyukarkan kedua-dua teks yang dikaji mencapai mutu yang membolehkannya layak dianggap sebagai sebuah 'karya persuratan', atau karya ilmu yang bermutu tinggi. Sehubungan itu, analisis ini juga mendapati bahawa kedua-dua teks yang dikaji memperlihatkan kelemahan dari aspek pembikinan cerita. Sebagai sebuah novel, kelemahan dalam aspek pembikinan cerita merupakan sesuatu yang sukar diterima, dan secara serius menjejaskan mutu kesasteraan. Dengan kata lain, kedua-dua teks yang dikaji tidak mencapai mutu yang melayakkannya untuk dianggap sebagai sebuah 'karya sastera'. Lanjutan itu, analisis juga mendapati bahawa ramuan utama yang mengisi kedua-dua teks yang dikaji ialah kisah cinta dan unsur-unsur luaran Islam. Kedua-dua ramuan ini dengan jelas membumbui cerita dari awal hingga ke akhir. Seperti yang telah dibincangkan lebih awal, sejarah dan perkembangan kegiatan sastera popular di Malaysia memperlihatkan bagaimana kisah cinta telah tersedia sebagai ramuan malar segar yang digemari oleh pembaca awam pada kebanyakan zaman. Pada penghujung tahun 2000-an, trend pasaran semasa dengan jelas memperlihatkan kecenderungan terhadap unsur-unsur Islam. Dengan trend dan kecenderungan pasaran tempatan yang sedemikian, unsur-unsur Islam dengan sendirinya menjadi ramuan yang menepati selera popular yang terkini (*trendy and up to date*). Kepekaan terhadap trend selera popular dan pasaran semasa inilah yang mendorong kegiatan penulisan dan penerbitan novel-novel popular Islami, yang kemudiannya mencetuskan fenomena. Analisis ini mendapati bahawa kedua-dua teks yang dikaji memang menjadikan kisah cinta dan unsur-unsur luaran Islam sebagai ramuan utamanya. Strategi mengadunkan kisah cinta dengan unsur-unsur luaran Islam menjadikan kedua-dua teks yang dikaji umpama hidangan yang

menyelerakan dan menepati selera, dan justeru sukar ditolak oleh pembaca awam semasa. Dengan kata lain, kedua-dua teks yang dikaji jelas akur terhadap tuntutan-tuntutan selera popular dan trend pasaran semasa. Keakuran ini, dan ditambahkan lagi dengan kelemahan sebagai sebuah 'karya sastera' dan 'karya persuratan', menyebabkan kedua-dua teks yang dikaji, iaitu *SS* dan *WCBS* lebih tepat dikategorikan sebagai 'karya popular'.

Lanjutan itu, tidak dinafikan bahawa karya-karya terbitan PTS Sdn. Bhd. memang menawarkan ramuan-ramuan yang menepati selera popular dan trend pasaran semasa, dan justeru laris di pasaran. Sebagai sebuah syarikat perniagaan yang berorientasikan keuntungan material, PTS Sdn. Bhd. jelas peka terhadap tuntutan pasaran semasa, dan berupaya pula merekayasa strategi penulisan dan penerbitan yang berkesan dalam merealisasikan orientasinya itu. Dengan kata lain, sebagai syarikat perniagaan yang berorientasikan keuntungan material, pendirian dan strategi PTS Sdn. Bhd. ini dapat difahami. Akan tetapi, dalam soal mutu sastera dan Islam, pandangan-pandangan rasmi PTS Sdn. Bhd. wajar sekali diperiksa dan dikaji semula. Ini kerana, dengan menerapkan prinsip-prinsip Persuratan Baru, kedua-dua novel terbitan PTS Sdn. Bhd. yang laris terjual di pasaran, didapati tidak bermutu tinggi hatta sebagai 'karya sastera' sekalipun. Dapatan ini dengan sendirinya mencabar dakwaan bahawa 'Teknik Surah Yusuf' dapat mengangkat mutu karya-karya terbitan PTS Sdn. Bhd. untuk dijadikan khazanah warisan bangsa. Seandainya benar 'Teknik Surah Yusuf' telah digunapakai sebagai pandangan dalam menulis karya-karya terbitan PTS Sdn. Bhd. termasuk kedua-dua teks yang dikaji, maka adalah jelas bahawa berdasarkan kerangka Persuratan Baru, 'Teknik Surah Yusuf' hanya mampu menghasilkan sebuah karya popular yang rendah mutunya. Perlu ditekankan kembali bahawa Persuratan Baru adalah gagasan yang berteraskan Islam. Akan tetapi, tidak seperti gagasan PTS Sdn. Bhd. yang berorientasikan keuntungan material, Persuratan Baru sebaliknya menjadikan ilmu yang benar di sisi Islam sebagai asas dalam membina tamadun dan menegakkan syiar Islam. Sehubungan itu, dalam keghairahan PTS Sdn. Bhd. mengejar cita-cita korporatnya, wajar sekali jika syarikat perniagaan ini bersikap lebih berhati-hati dalam memberikan pandangan, terutamanya yang berkaitan mutu

sastera dan Islam. Sikap hati-hati ini amat penting bagi mengelakkan kekeliruan dan salah faham masyarakat terhadap Islam.²⁸

Bibliografi

- Ainon Mohd. 2011. *Panduan Menulis Novel: Teknik Surah Yusuf*. Batu Caves: PTS Profesional.
- A.Ubaidillah Alias. 2008. *Warkah Cinta Berbau Syurga*. Kuala Lumpur: PTS Litera Utama Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 2008.
- A.Ubaidillah Alias. 2009. *Warkah Cinta Berbau Syurga*. Cetakan Ketiga. Kuala Lumpur: PTS Litera Utama Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 2008.
- Al-Attas, S.M.N. 1995. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Anwar Ridhwan. 2008. 'Karya Bermutu Wajar Jadi Teks Sastera'. *Berita Harian*, 15 Januari.
- Berita Harian*. 2008. 'Teks Sastera Kena Pikat Penulis Muda'. 29 Januari.
- Berita Harian*. 2008. 'Teks Sekolah Tak Senarai Karya Sasterawan Negara'. 12 Januari.
- Berita Harian*. 2008. 'Teks Sekolah Tak Senarai Karya Sasterawan Negara'. 12 Januari.
- <http://muhammadlutfi.blogspot.com/2010/12/dalam-satu-entrinya-di-blog-beliau-pn.html> (Ditelusuri pada 12 November 2011).

²⁸ Dalam perkembangan mutakhir, Sdr. Ahmad Zahiruddin Mohd. Zabidi, seorang editor yang bertugas di PTS Sdn. Bhd. menyiarkan satu entri bertarikh 4 November 2011 berjudul "Keegoan dan Dosa Akademik". Dalam entri ini, Sdr. Ahmad Zahiruddin mengemukakan beberapa kenyataan yang dianggap boleh mengelirukan tentang Islam. Ini merujuk kepada kenyataan beliau bahawa '...hampir 70% daripada isi al-Quran bersifat cerita', dan '...al-Quran yang sangat autentik dan menjadi rujukan utama khusus dalam pengajian agama Islam juga bersifat cerita'. Kenyataan-kenyataan beliau ini telah dipersoalkan oleh Ustaz Mohd. Shahrizal Nasir yang menganggap tulisan Sdr. Ahmad Zahiruddin ini "bakal mengundang kecelaruan kepada pembaca" (ungkapan beliau sendiri). Malah, Ustaz Mohd. Shahrizal sendiri telah menulis satu entri khusus bertarikh 14 November 2011 bertajuk 'Kecelaruan Terhadap Qissah al-Qur'an'. Untuk mengikuti entri-entri dan komen-komen ini, sila rujuk blog Sdr. Ahmad Zahiruddin Zabidi - <http://kalamkhalifah.com/2011/11/keegoan-dan-dosa-akademik/>, dan blog Ustaz Mohd. Shahrizal Nasir - <http://rizalnasir.blogspot.com/2011/11/kecelaruan-terhadap-qissah-al-quran.html>

<http://saleehblogspot.blogspot.com/2010/12/yang-meratap-dan-yang-kaya.html>
(Ditelusuri pada 12 November 2011).

<http://pbaru.blogspot.com/> (Ditelesuri pada 12 November 2011).

<http://pts.com.my/index.php/info/pengenalan/> (Ditelesuri pada 12 November 2011).

http://universitipts.com/index.php/site/comments/rumah_pena_rumah_ratapan_sasterawan_muda_melayu/ (Ditelusuri pada 12 November 2011).

http://universitipts.com/index.php/site/comments/senarai_judul_top_500_pts_berdasarkan_jumlah_naskah_terjual_antara_1_/ (Ditelusuri pada 1 November 2011).

Mohamad Mokhtar Hassan. 2006. 'Legenda Budak Setan: Antara Komersialisme dengan Intelektualisme'. Kertas kerja Bengkel Kajian Novel Popular di Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 14-15 Disember.

Mohd. Affandi Hassan. 1992. *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Affandi Hassan. 1994. *Medan-medan dalam Sistem Persuratan Melayu: Sanggahan Terhadap Syarahan Perdana Prof. Dr. Muhammad Haji Salleh (Sarjana dan Sasterawan Negara)*. Kota Bharu: Penerbit Tiga.

Mohd. Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd. Tahir & Mohd. Zariat Abdul Rani. 2008. *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd. Zariat Abdul Rani. 2008. 'From 'Popular Fiction' to 'Serious Novel': The Literary Contribution of Shahnun Ahmad and Abdullah Hussain to Malay Literature'. *MANU* (Journal of Centre for Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Vol. 14: 25-43.

Mohd. Zariat Abdul Rani. 2009. 'Between Eroticism and Social Criticism: The Literariness of Shahnun Ahmad's *Terdedah*'. *WACANA* (Journal of Humanities, University of Indonesia, Vol. 11, No. 1 (April): 152-172.

Mohd. Zariat Abdul Rani. 2010. 'Ilmu dan Penjanaan Ilmu dalam Novel *Melati Kota Bharu* karya A. Kadir Adabi: Satu Bacaan Intelektual'. Dlm. Ungku Maimunah Mohd. Tahir (pynt.). *Kedudukan Ilmu dalam Kesusasteraan*. Hlm. 383-444. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd. Zariat Abdul Rani. 2010. 'Popular Islamic Novels of Indonesia and Malaysia: A Preliminary Exploration'. Kuliah umum Asia Research Institute (ARI) Weekly

Seminars Series. Asia Research Institute (ARI), National University of Singapore, Kampus Bukit Timah. 28 Jun.

Mohd. Zariat Abdul Rani. 2011. 'Love, Conflict, Submission: Themes in Islamic Popular Novels of Indonesia'. Kertas kerja The 3rd International Congress of World Languages and Cultures. Faculty of Philosophy and Letters, University of Granada, Granada. 30 Mei-1 Jun.

Mohd. Zariat Abdul Rani. 2011. *Seksualiti dalam Novel Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd. Zariat Abdul Rani. 2012. 'Islam, Romance and Popular Taste in Indonesia: A Textual Analysis of *Ayat Ayat Cinta* by Habiburrahman El-Shirazy and *Syahadat Cinta* by Taufiqurrahman Al-Azizy'. *Indonesia and The Malay World* (Journal of School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London), Vol. 40, No. 116 (Mac): 61-75.

Morris M. 1990. 'Banality in Cultural Studies'. Dlm. Patricia Mellencamp (pynt.). *Logics of Television: Essays in Cultural Criticism*. Hlm.14-43. Indiana University Press: Bloomington.

Utusan Malaysia. 2008. 'Saya Tidak Mahu Lagi Bergelar Sasterawan Negara- A. Samad Said'. 24 Januari.

Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 1983. 'Sastera Islam: Malaysia's Literary Phenomenon of the 1970s and 1980s'. *The Muslim World* 79 (3-4): 232-248.

Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2007. *Kritikan Sastera Melayu: Antara Cerita dengan Ilmu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2009. *Dinamika Pemikiran Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ungku Maimunah Mohd. Tahir (pynt.) 2010. *Kedudukan Ilmu dalam Kesusasteraan: Teori & Praktis*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syed Mohd. Zakir Syed Othman. 2008. 'Cadang Karya Sasterawan Negara Jadi Teks Sekolah'. *Berita Harian*, 17 Januari.

Zaid Akhtar. 2008. *Salju Sakinah*. Kuala Lumpur: PTS Litera Utama Sdn. Bhd.

Zawiah Yahya. 2010. *Reading Approaches in Malay Literature: Critical Theory in the Making*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zulkarnain Mohamed. 2010. 'Al-Quran, Ilmu dan Disiplin Islami dan Sastera'. Dlm. Ungku Maimunah Mohd. Tahir (pynt.) *Kedudukan Ilmu dalam Kesusasteraan: Teori & Praktis*. Hlm. 83-158. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.